

B576:
MAHATHIR-GERAN
(1)

1981

KUALA LUMPUR, 14 MAC (BERNAMA) —PINDAAN-PINDAAN SEWAJARNYA KE ATAS PERLEMBAGAAN AKAN DIBUAT UNTUK MEMBOLEHKAN KERAJAAN PERSEKUTUAN MENAMBAH GERAN PENYENGGARAAN KEPADA NEGERI-NEGERI, PEMANGKU PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENGUMUMKAN DI SINI HARI INI.

PINDAAN-PINDAAN ITU AKAN DIBENTANGKAN DI AKHIR PERSIDANGAN PARLIMEN AKAN DATANG YANG AKAN BERMULA ISNIN DEPAN, KATANYA.

KERAJAAN PUSAT PERLU MEMBERI GERAN YANG LEBIH BESAR KEPADA NEGERI-NEGERI BAGI MENGATASI KOS PENYENGGARAAN BEBERAPA PROJEK AWAM YANG TERTENTU YANG KIAN MENINGKAT.

BAGAIMANAPUN, SEBELUM KERAJAAN PUSAT DAPAT BERBUAT DEMIKIAN, IA PERLU MEMINDA BAHAGIAN-BAHAGIAN TERTENTU DALAM PERLUMBAAN, JIKA TIDAK LANGKAH ITU ADALAH BERTENTANGAN DENGAN PERLEMBAGAAN, JELASNYA LAGI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERCAKAP KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT MAJLIS KEWANGAN NEGARA DI KEMENTERIAN KEWANGAN DI SINI. — BERSAMBUNG 1620/LK

MAHATHIR-GERAN 3 KUALA LUMPUR

PEMANGKU PERDANA MENTERI JUGA MENGUMUMKAN BAHAWA KERAJAAN PUSAT TELAH BERSETUJU UNTUK MENGUNTUKKAN \$140 JUTA SETAHUN UNTUK MEMBINA DAN MENYENGGARA JALAN LATERITE DI KAMPUNG-KAMPUNG.

JALAN-JALAN TERSEBUT DAHULUNYA DIKENALI SEBAGAI +JALAN PEGAWAI DAERAH+ KERANA DIBINA OLEH PEJABAT-PEJABAT DAERAH DENGAN PERUNTUKAN NEGERI.

BAGI MEMBINA JALAN KAMPUNG INI MEMERLUKAN \$60,000 BAGI SETIAP BATU DAN PADA MASA INI KERAJAAN PERSEKUTUAN MENYEDIAKAN GERAN SEBANYAK \$6,200 KEPADA KERAJAAN NEGERI UNTUK MENYENGGARAKANNYA.
— BERNAMA 1625/LK

B577:
MAHATHIR-GERAN 2 KUALA LUMPUR

PEMANGKU PERDANA MENTERI MENAMBAH KATA MESYUARAT HARI INI JUGA Mencari JALAN UNTUK MENGGUBAL SATU PERATURAN BARU YANG AKAN MEMBOLEHKAN KERAJAAN PUSAT BUKAN SAHAJA MEMBANTU DALAM PEMBINAAN PROJEK-PROJEK AWAM BAHKAN MENYENGGARANYA SEKALI.

INI AKAN MELIBATKAN PROJEK-PROJEK +DALAM SENARAI BERULANG+ DI MANA KERAJAAN PERSEKUTUAN PADA ASALNYA HANYA MENGUNTUKKAN MODAL BAGI PERLAKSANAANNYA MANAKALA KERAJAAN-KERAJAAN NEGERI MENYENGGARAKAN.

TETAPI SEJAK TAHUN-TAHUN KEBELAKANGAN INI, KOS PENYENGGARAAN PROJEK-PROJEK AWAM DI BAWAH SENARAI INI TERMASUK TERUSAN PERAIRAN TELAH MENINGKAT DENGAN PESATNYA.

SEBAGAI CONTOH, BAGI SKIM PEMBANGUNAN JOHOR BARAT KERAJAAN TERPAKSA MEMBELANJAKAN BERJUTA-JUTA RINGGIT UNTUK MEMBINA TERUSAN-TERUSAN TERSEBUT YANG PENYENGGARAANNYA SAHAJA BERJUMLAH ANTARA \$10 JUTA HINGGA \$15 JUTA SETIAP TAHUN.

KERAJAAN NEGERI DIDAPATI TIDAK DAPAT MENAMPUNG PERBELANJAAN INI SECARA SENDIRIAN, KATANYA. — BERSAMBUNG 1623/LK

96